

## BAHAGIAN II

### PENDAFTARAN

#### 4. Koperasi-koperasi yang boleh didaftarkan

(1) Sesuatu pertubuhan yang terdiri daripada orang-orang individu sahaja dan yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagai suatu koperasi asas.

(2) Sesuatu pertubuhan yang terdiri daripada koperasi-koperasi asas sahaja dan yang matlamatnya ialah untuk memudahkan operasi koperasi-koperasi sedemikian boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagai suatu koperasi menengah.

(3) Sesuatu pertubuhan yang terdiri daripada koperasi-koperasi menengah sahaja atau koperasi-koperasi menengah dan asas dan yang matlamatnya ialah untuk memudahkan operasi koperasi-koperasi sedemikian boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagai suatu koperasi atasan.

#### 5. Syarat-syarat bagi pendaftaran

(1) Tertakluk kepada seksyen 8, tiada koperasi boleh didaftarkan sebagai koperasi asas melainkan jika

(a) ia terdiri daripada sekurang-kurangnya lima puluh orang individu; dan

(b) setiap orang individu sedemikian layak di bawah seksyen 26 untuk menjadi anggota dan tidak hilang kelayakan di bawah seksyen 27 untuk menjadi anggota.

(2) Tiada koperasi boleh didaftarkan sebagai koperasi menengah melainkan jika ia terdiri daripada sekurang-kurangnya dua koperasi asas.

(3) Tiada koperasi boleh didaftarkan sebagai koperasi atasan melainkan jika ia terdiri daripada sekurang-kurangnya dua koperasi menengah.

#### 6. Permohonan pendaftaran

(1) Tiap-tiap permohonan pendaftaran hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam borang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan dan hendaklah ditandatangani

(a) dalam hal koperasi asas, oleh sekurang-kurangnya sepuluh orang yang semuanya layak menjadi anggota;

(b) dalam hal koperasi menengah atau koperasi atasan, oleh seorang yang diberi kuasa sewajarnya bagi pihak setiap koperasi asas atau koperasi menengah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan pendaftaran hendaklah disertakan dengan

- (a) salinan-salinan undang-undang kecil yang dicadangkan, yang ditandatangani oleh pemohon-pemohon;
- (b) dalam hal suatu koperasi asas, tertakluk kepada subseksyen 8(2), minit mesyuarat agung permulaan yang ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua puluh lima orang yang hadir; atau
- (c) dalam hal suatu koperasi menengah atau koperasi atasan, minit mesyuarat agung permulaan yang ditandatangani oleh semua orang yang diberikuasa sewajarnya yang hadir.

## **7. Pendaftaran**

(1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada peraturan-peraturan dan apabila diterima fi yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, mendaftarkan sesuatu koperasi dan undang-undang kecilnya.

(2) Tiap-tiap koperasi yang didaftarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah dengan liabiliti terhad.

(3) Jika Suruhanjaya enggan mendaftarkan sesuatu koperasi, rayuan boleh dibuat kepada Menteri terhadap keengganan itu dalam masa dua bulan dari tarikh keengganan itu.

(4) Perkataan “Koperasi” hendaklah menjadi sebahagian daripada nama tiap-tiap koperasi yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(5) Perkataan “Berhad” hendaklah menjadi perkataan terakhir dalam nama tiap-tiap koperasi yang didaftarkan di bawah Akta ini.

## **8. Peruntukan khas bagi koperasi-koperasi tertentu**

(1) Walau apa pun subseksyen 5(1), jika sesuatu koperasi tak dapat memenuhi syarat yang dinyatakan dalam perenggan 5(1)(a) tetapi berhak selainnya untuk didaftarkan di bawah seksyen 7, Suruhanjaya boleh, selepas mengambil kira bilangan orang dalam kawasan operasi yang dicadangkan bagi koperasi itu yang layak menjadi anggota dan jenis aktiviti-aktiviti yang dicadangkan bagi koperasi itu, dan jika koperasi itu terdiri daripada sekurang-kurangnya dua puluh orang, mendaftarkan koperasi itu sebagai koperasi asas di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun perenggan 6(2)(b), permohonan bagi pendaftaran sesuatu koperasi yang disebutkan dalam subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan minit mesyuarat agung permulaan yang ditandatangani oleh semua orang yang hadir.

## **9. Koperasi hendaklah menjadi pertubuhan perbadanan**

Pendaftaran sesuatu koperasi hendaklah menjadikannya suatu pertubuhan perbadanan, dengan nama yang di bawahnya ia didaftarkan, yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa, dan dengan kuasa untuk memegang segala jenis harta alih dan harta tak alih, membuat kontrak, memulakan dan membela guaman-guaman dan prosiding undang-undang yang lain dan membuat segala benda yang perlu bagi maksud-maksud yang baginya ia ditubuhkan.

## **10. Keterangan pendaftaran**

Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa koperasi yang tersebut di dalamnya telah didaftarkan dengan sewajarnya, melainkan jika dibuktikan bahawa pendaftaran koperasi itu telah dibatalkan.

### **10A. Pengemukaan diri sebagai koperasi**

(1) Tiada seorang pun boleh mengemukakan dirinya sebagai suatu koperasi, atau menyatakan bahawa dia atau mana-mana orang lain menjalankan urusan suatu koperasi mengikut apa-apa bentuk atau cara melainkan jika dia atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, berdaftar di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### **10B. Larangan penggunaan perkataan “koperasi”, dll.**

(1) Tiada seorang pun selain suatu koperasi boleh berdagang atau menjalankan apa-apa urusan atau urus niaga di bawah apa-apa nama atau gelaran yang perkataan “koperasi”, “koperatif”, “ko-operatif”, atau “ko-op”, atau apa-apa terbitan daripada perkataan ini dalam apa-apa bahasa, atau apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan perjalanan urusan atau urus niaga sedemikian, berhubung dengan urusan atau urus niaga atau apa-apa bahagian urusan atau urus niaga yang dijalankan oleh orang itu, atau membuat apa-apa representasi yang bermaksud sedemikian dalam apa-apa kepala bil, kertas surat, notis, iklan atau mengikut apa-apa cara lain jua pun.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan boleh sebagai tambahan, didenda harian lima ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.